GARIS PANDUAN

ETIKA PENYELIDIKAN

GUIDELINES FOR

RESEARCH ETHICS

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN & INOVASI

CENTRE FOR RESEARCH & INNOVATION MANAGEMENT

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

2015

[SEMENTARA]

[PROVISIONAL]

KANDUNGAN
CONTENTS

Senarai Rajah
List of Charts

Senarai Kembaran
List of Appendices

PENGENALAN

Garis Panduan Etika Penyelidikan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) ini telah dibangunkan bagi menyediakan satu sistem kawalan kepatuhan terhadap etika penyelidikan bagi cadangan penyelidikan yang menggunakan subjek manusia dan haiwan yang dilakukan di premis milik UPNM ataupun oleh kakitangan dan pelajar UPNM. Selaras dengan perkembangan UPNM dalam membangunkan dan merancakkan aktiviti penyelidikan dalam bidang pertahanan dan keselamatan, garis panduan ini diharapkan dapat menjadi rujukan utama kepada para penyelidik sebelum memulakan sesuatu projek penyelidikan.

Penyelidikan secara amnya ditakrifkan sebagai suatu aktiviti sistematik dan berdisiplin yang dijalankan untuk mewujud dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Ia melibatkan kaedah yang boleh merentasi pelbagai disiplin dan menggunakan proses analisis kritikal bagi membuktikan penemuan dalam bidang saintifik dan sosial, membuat ciptaan baru, memperluaskan pemahaman atau membaiki konsep, teori, dan teknik. Ciri-ciri umum penyelidikan merangkumi metodologi yang sistematik dan berdisiplin, komitmen terhadap penerbitan hasil daripada penemuan dan ulasan kesepakaran yang setanding. Unsur penerbitan penyelidikan juga berbeza mengikut disiplin dan boleh meliputi penerbitan hasil penyelidikan di dalam jurnal atau monograf atau buku sehinggalah persembahan komposisi kreatif.

Etika pula ditakrifkan sebagai prinsip-prinsip perilaku yang baik yang dikenali juga sebagai prinsip akhlak yang didasarkan pada sistem nilai yang diterima dalam sesuatu peradaban. Dalam konteks penyelidikan di Universiti, etika dikenal pasti sebagai perilaku yang baik yang patut diikuti berdasarkan sistem nilai Universiti berkenaan yang menolak perilaku yang buruk dalam menjalani kehidupan dan kerjaya sebagai kakitangan akademik dan juga penyelidik.

Garis panduan ini akan sentiasa dikemaskini dan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi menjamin mutu dan etika penyelidikan UPNM sentiasa berada di tahap yang terbaik. Semoga dengan adanya panduan ini, warga penyelidik UPNM terus menjaga kualiti penyelidikan supaya penyelidikan di UPNM setanding tarafnya dengan piawaian antarabangsa dan diiktiraf.

Garis panduan ini telah diluluskan oleh Senat ke 46 Bil. 2/2015 yang telah bersidang pada 31 Mac 2015.

BAB I

ETIKA PENYELIDIKAN

1. Latar Belakang

1.1 Semua kakitangan akademik di Universiti Awam (UA) di Malaysia perlu menjalankan penyelidikan dan aktiviti kesarjanaan di samping menerbitkan hasil penyelidikan mereka atau mempatenkannya. Sehubung itu semua penyelidik dikehendaki memohon dana penyelidikan bagi membiayai penyelidikan yang ingin mereka laksanakan. Malah menjalankan penyelidikan adalah salah satu keperluan dalam perkembangan kerjaya kakitangan akademik UA.

1.2 Penyelidikan yang dijalankan mungkin melibatkan subjek manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, bentuk-bentuk hidup yang lain, alam sekitar, jentera dan struktur, hal-hal politik dan sosial. Secara umumnya, apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh kakitangan (akademik dan sokongan) dan/atau pelajar hendaklah mematuhi etika dan disiplin penyelidikan yang ditentukan oleh Universiti di dalam atau di luar negara, oleh mana-mana kerajaan dan mana-mana pihak ketiga yang memberi penajaan kepada penyelidikan tersebut.

1.3 Kepentingan penjagaan hak asasi manusia telah diberi penekanan di peringkat antarabangsa di mana satu Pengisytiharan Universal Hak Asasi Manusia *(Universal Declaration of Human Rights*) telah diterima pakai oleh Perhimpunan Umum Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) *(General Assembly of the United Nations)* pada tahun 1948. Pada tahun 1966, demi memberi kuasa perundangan dan moral terhadap Pengisytiharan ini, Perhimpunan Umum PBB telah menerima pakai '*the International Covenant on Civil and Political Rights*'. Bahagian 7 *Covenant* ini menyatakan "*No one shall be subjected to torture or to cruel, inhuman or degrading treatment or punishment. In particular, no one shall be subjected without his free consent to medical or scientific experimentation".* Melalui kenyataan ini masyarakat umum mengkehendaki nilai asas kemanusiaan hendaklah digunakan untuk mentadbir semua penyelidikan yang melibatkan subjek manusia khususnya memastikan perlindungan hak dan kebajikan semua subjek manusia yang terlibat dalam uji kaji saintifik.

2. Nilai-Nilai Dan Prinsip Penyelidikan Beretika

2.1. Terdapat empat prinsip yang menjadi landasan kepada tingkah laku penyelidikan yang beretika, iaitu: menghormati setiap manusia (respect for persons); berfaedah dan tidak mendatangkan kemudaratan (beneficence); keadilan (justice); dan, merit serta integriti penyelidikan (research merit and integrity). Setiap prinsip ini di huraikan di bawah:

a. **Menghormati Setiap Insan**.

Prinsip menghormati setiap insan berasaskan kesedaran bahawa setiap insan mempunyai nilai diri mereka tersendiri. Penyelidik perlu menerima hakikat ini dan mesti menghormati maruah mereka yang dilibatkan dalam penyelidikan.

Bagi penglibatan mana-mana peserta penyelidikan, aspek moral yang ditekankan adalah penghormatan terhadap setiap manusia mestilah dilandaskan setiap penyelidik menerima hakikat bahawa setiap peserta penyelidikan merupakan seorang insan yang mempunyai hak autonominya tersendiri dan penyelidik hendaklah sentiasa melindungi insan yang tertimpa keadaan autonomi yang tersekat atau terkurang. Adalah menjadi kewajipan penyelidik untuk mendapatkan persetujuan yang berpengetahuan (informed consent) daripada setiap peserta penyelidikan dan untuk mengekalkan kerahsiaan bagi pihak mereka. Penyelidik perlu memberi peluang kepada mereka untuk membuat keputusan sendiri secara sukarela sepanjang proses penyelidikan di jalankan. Jika peserta tidak mampu membuat keputusan mereka sendiri atau mempunyai masalah kekurangan kapasiti untuk berbuat sedemikian maka, demi terus menghormati mereka, perlu ada proses memberi kuasa kepada mereka di mana mungkin dan penyediaan kaedah perlindungan bagi mereka ini mengikut keadaan mereka. Penyelidik perlu sentiasa menghormati privasi, kerahsiaan, sensitiviti dan budaya peserta penyelidikan dan jika berkaitan, komuniti mereka. Jika terdapat apa-apa perjanjian yang dibuat dengan peserta penyelidikan ataupun masyarakat mereka, perjanjian tersebut perlu dilunaskan.

b. **Berfaedah dan Tidak Mendatangkan Kemudaratan**.

Prinsip ini merupakan gandingan di antara manfaat dan bahaya yang berkaitan dengan penyertaan dalam penyelidikan. Manfaat dari penyelidikan mestilah wajar dengan risiko, bahaya atau ketidak selesaan yang mungkin terjadi akibat penyelidikan tersebut. Risiko dan bahaya ini melibatkan bukan sahaja individu dalam penyelidikan tetapi turut dipanjangkan kepada masyarakat dari mana mereka datang. Penyelidik mempunyai kewajipan untuk memaksimumkan faedah mungkin dan mengurangkan risiko kemudaratan. Khususnya para penyelidik adalah bertanggungjawab untuk:

- mengolah reka bentuk penyelidikan supaya mengurangkan risiko kecederaan dan ketidakselesaan kepada peserta;
- menjelaskan kepada peserta penyelidikan akan manfaat dan risiko yang mungkin terbit dari penyelidikan tersebut, dan
- menjaga kebajikan peserta penyelidikan sepanjang kajian dijalankan.

Dalam keadaan di mana tiada faedah secara langsung mungkin diperolehi oleh peserta penyelidikan, prinsip etika yang perlu diguna pakai adalah risiko yang dihadapi peserta haruslah lebih rendah daripada faedah yang boleh diperolehi dari penyelidikan seumpama yang lain.

c. **Keadilan**.

Prinsip keadilan ini berasaskan kesaksamaan di mana setiap individu mempunyai kesamaan tertentu yang beliau berkongsi dengan individu yang lain sehinggalah setiap individu menerima layan yang sama rata dalam kehidupan mereka. Prinsip ini membawa maksud bahawa beban dan faedah penyelidikan diagihkan secara saksama, dan merangkumi layanan yang adil dalam pengambilan peserta penyelidikan dan di dalam perlaksanaan

penyelidikan. Penyelidik perlu memastikan golongan yang vulnerable tidak dieksploitasi dan bahawa calon peserta penyelidikan yang layak serta boleh mendapat manfaat daripada penyertaan tidak dikecualikan tanpa alasan yang munasabah. Prinsip ini memerlukan setiap penyelidikan mematuhi perkara berikut:

- Kriteria pemilihan, pengecualian dan seterusnya kemasukan setiap peserta penyelidikan dalam sesuatu projek penyelidikan dilakukan secara adil dan maklumat penghuraian kriteria-kriteria ini dimaklumkan dengan tepat di dalam laporan penyelidikan.
- Proses merekrut/memilih peserta adalah dilakukan dengan adil.
- Pemilihan peserta penyelidikan tidak dibebankan ke atas golongan calon peserta tertentu sahaja secara tidak adil.
- Pengagihan manfaat dari penyertaan dalam penyelidikan hendaklah dibuat secara saksama.
- Tidak berlaku eksploitasi terhadap peserta penyelidikan semasa perlaksanaan kerja penyelidikan tersebut.
- Capaian ataupun akses kepada faedah penyelidikan disediakan dengan saksama.
- Hasil penyelidikan hendaklah boleh diakses oleh peserta penyelidikan tersebut.

d. **Merit Serta Integriti Penyelidikan**.

Penglibatan sebarang peserta dalam mana-mana penyelidikan adalah tidak beretika melainkan jika penyelidikan yang dicadangkan mempunyai merit dan penyelidiknya mempunyai integriti. Penyelidikan yang mempunyai merit:

- hendaklah mempunyai potensi manfaat yang wajar, samada dari segi sumbangan kepada pengetahuan, kefahaman, kemahiran atau kepakaran bagi para penyelidik dan/atau peningkatan dalam kebajikan serta faedah sosial dan/atau kesejahteraan individu;
- direka bentuk dengan menggunakan kaedah yang sesuai bagi mencapai matlamat penyelidikan;
- hendaklah berasaskan kajian kepustakaan terhadap pengetahuan semasa dan lampau terhadap persoalan kajian. Namun ini tidak menolak cadangan penyelidikan yang *novel* di mana terdapat maklumat yang terhad atau ketiadaan maklumat, ataupun penyelidikan itu diperlukan bagi menyediakan maklum balas yang pantas bagi menangani sesuatu situasi yang tidak diduga;
- direka bentuk agar penghormatan maruah peserta tidak terjejas oleh matlamat penyelidikan, cara penyelidikan itu dilaksanakan, atau oleh keputusannya;

- hendaklah dijalankan atau diselia oleh orang atau kumpulan yang berpengalaman, berkelayakan dan mempunyai kecekapan yang sesuai untuk penyelidikan tersebut; dan
- hendaklah dijalankan dengan menggunakan kemudahan dan sumber yang bersesuaian dengan penyelidikan tersebut.

2.2. Terdapat keperluan khusus bagi pematuhan kepada kod etika antarabangsa bagi penyelidikan yang menggunakan subjek manusia ataupun haiwan. Bagi penyelidikan yang menggunakan subjek manusia dokumen Perisytiharan Helsinki (*Helsinki Declaration*) terbitan Persatuan Perubatan Sedunia (WMA) dan Garis Panduan Etika Antarabangsa bagi Penyelidikan Bioperubatan Yang Melibatkan Subjek Manusia terbitan *Council for International Organizations of Medical Sciences* (CIOMS) dengan kerjasama *World Health organization* (WHO). Manakala bagi haiwan pula digunakan standard yang diterbitkan oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (*Organisation Mondiale de la Santê Animale)* (OiE).

2.3. Setiap penyelidikan yang menggunakan subjek manusia hendaklah mematuhi etika dan disiplin penyelidikan seperti berikut:

a. mematuhi prinsip etika dan prosedur yang standard bagi penyelidikan yang berkaitan dengan manusia seperti ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) atau lain-lain badan yang diiktiraf;

b. menghormati maruah manusia;

c. mendapatkan kebenaran bertulis atau persetujuan daripada peserta penyelidikan;

d. meminimumkan kemudaratan dan memaksimumkan manfaat kepada manusia; dan

e. mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti (JKEP) atau mana-mana jawatankuasa lain yang diiktirafkan oleh Universiti.

2.4. Manakala penyelidikan yang melibatkan haiwan pula hendaklah mematuhi etika dan disiplin penyelidikan seperti berikut:

a. mematuhi standard etika yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (*Organisation Mondiale de la Santê Animale* -OiE) atau mana-mana badan lain yang diiktiraf;

b. dilaksanakan atau diselia oleh kakitangan akademik, pelajar atau kakitangan lain yang kompeten dan terlatih;

c. menjaga kebajikan haiwan, termasuk:

- mengurangkan rasa lapar dan dahaga yang terlampau;
- mengurangkan kesakitan dan kecederaan;
- mengurangkan ketakutan dan penderitaan; dan

- membenarkan haiwan menunjukkan tingkah laku semula jadi mereka.

d. mendapatkan kebenaran bertulis daripada agensi-agensi yang berkaitan bagi haiwan-haiwan yang terlindung di bawah undang-undang kebangsaan dan antarabangsa;

e. mengurangkan bilangan haiwan yang digunakan untuk penyelidikan dan menggantikan penggunaan haiwan, jika boleh, dengan alternatif lain;

f. menggunakan kaedah penyelidikan yang sesuai untuk haiwan yang digunakan dalam penyelidikan; dan

g. mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti atau mana-mana badan lain yang diiktiraf oleh Universiti.

2.5. Seterusnya setiap penyelidikan yang melibatkan organisma diubah suai secara genetik hendaklah mematuhi etika dan disiplin penyelidikan seperti berikut:

a. mematuhi ketetapan dalam Akta Bio-keselamatan (2007) atau mana-mana akta dan peraturan yang dikuat kuasakan berkaitan dengan organisma yang diubahsuai secara genetik; dan

b. mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti atau mana-mana badan lain yang diiktiraf oleh Universiti.

3. Skop Etika Penyelidikan

3.1. Penyelidikan terhadap subjek manusia termasuklah apa-apa kaedah penyelidikan yang dijalankan dengan atau mengenai orang, data atau spesimen biologi, termasuk:

a. kaji selidik atau temubual;

b. pengujian atau perawatan psikologi, fisiologi dan perubatan;

c. pemerhatian oleh penyelidik;

d. akses kepada dokumen peribadi mereka atau bahan-bahan maklumat mereka yang lain;

e. pengumpulan dan penggunaan organ, tisu atau cecair tubuh mereka (contohnya: kulit, darah, air kencing, air liur, rambut, tulang, tumor, dan spesimen biopsi lain); atau

f. capaian kepada maklumat peribadi mereka (samada dalam bentuk yang dikenali secara individu [*individually identifiable*], boleh dikenal pasti-semula [re-identifiable] atau tidak boleh dikenal pasti [*nonidentifiable*]) yang merupakan sebahagian daripada sumber maklumat yang pernah diterbitkan atau sebahagian suatu pangkalan data.

3.2. Manakala penyelidikan menggunakan subjek haiwan termasuklah apa-apa penyelidikan yang dijalankan dengan atau mengenai haiwan, data atau spesimen biologi. Ini termasuk mengkaji subjek haiwan melalui:

a. pengujian atau perawatan psikologi, fisiologi dan perubatan;

b. pemerhatian oleh penyelidik;

c. akses kepada rekod dan dokumen berkenaan haiwan tersebut atau bahan-bahan maklumat yang lain yang berkaitan; atau

d. pengumpulan dan penggunaan organ, tisu atau cecair tubuh haiwan (contohnya: kulit, darah, air kencing, air liur, rambut, tulang, tumor, dan spesimen biopsi lain).

BAB II

JAWATANKUASA ETIKA PENYELIDIKAN

4. Peranan, Keahlian dan Pengurusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Institusi (EC)

4.1. Peranan, keahlian dan pengurusan sesebuah jawatankuasa etika penyelidikan institusi (EC) dihuraikan di dalam Garis Panduan Operasi Jawatankuasa Etika Yang Meneliti Penyelidikan Bioperubatan (terbitan WHO). Petikan dari garis panduan tersebut menghuraikan:

a. Tujuan kewujudan suatu EC adalah bagi meneliti permohonan penyelidikan bioperubatan bagi memastikan bahawa maruah, hak, keselamatan, dan kesejahteraan semua peserta kajian samada peserta sebenar atau yang berpotensi menjadi peserta. Prinsip asas dalam penyelidikan yang melibatkan peserta manusia adalah 'menghormati maruah manusia'. Matlamat penyelidikan, walaupun penting, tidak boleh dibenarkan membelakangkan kesihatan, kesejahteraan, dan penjagaan kesihatan peserta penyelidikan. EC juga perlu mengambil kira prinsip keadilan. Prinsip ini memerlukan faedah dan beban yang terakibat dari penyelidikan diagihkan secara adil di kalangan semua kumpulan dan kelas dalam masyarakat, dengan mengambil kira umur, jantina, status ekonomi, budaya, dan kumpulan etnik.

b. Ia perlu membuat penilaian etika tidak memihak kepada mana-mana kepentingan, kompeten, dan tanpa melengah terhadap cadangan penyelidikan yang dimukakan. EC perlu bebas dari sebarang campur tangan politik, institusi, profesional, dan pengaruh pasaran dalam semua aspek fungsinya termasuk keahliannya, prosedurnya, dan keputusan yang di buat. Ia turut mestilah kompeten dan cekap dalam melakukan fungsinya.

c. EC bertanggungjawab bagi membuat penilaian terhadap cadangan penyelidikan sebelum penyelidikan tersebut dimulakan. Pemantauan berkala perlu juga dilakukan terhadap etika penyelidikan dalam cadangan penyelidikan yang telah diluluskan.

d. Ia bertanggungjawab melaksanakan fungsinya secara prihatin terhadap kepentingan peserta penyelidikan dan masyarakat yang terlibat, dan dengan mengambil kira kepentingan dan keperluan penyelidik, serta mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dari agensi-agensi kawal selia yang berkaitan.

5. Penubuhan EC

5.1. Sesuatu EC perlu ditubuhkan bagi memastikan setiap cadangan penyelidikan yang diterima dinilai sewajarnya dari aspek etika penyelidikan dan untuk memastikan

bahawa tugas EC boleh dilaksanakan bebas daripada sebarang pengaruh dan tindakan berat sebelah yang boleh menjejaskan kebebasan EC tersebut.

5.2. EC hendaklah dibentuk supaya dianggotai ahli dari pelbagai disiplin dan sektor, termasuklah kepakaran saintifik, dan keahliannya turut diimbangi dari segi taburan umur dan jantina, serta mempunyai ahli yang sesuai yang mewakili kepentingan dan kebimbangan masyarakat.

5.3. EC hendaklah ditubuhkan mengikut undang-undang dan peraturan negara berkenaan dan selaras dengan nilai-nilai dan prinsip-prinsip masyarakat di mana mereka berkhidmat.

5.4. EC perlu mewujudkan prosedur operasi standard yang boleh di capai oleh orang ramai yang menyatakan kuasa penubuhan EC tersebut, fungsi dan tugasnya, syarat dan terma rujukan keahlian, penempatan pejabatnya, struktur organisasinya, prosedurnya, dan kuorum penilaiannya. EC sebaiknya menerbitkan laporan tahunan yang menyenaraikan aktivitinya.

6. Keahlian EC

6.1. Prosedur yang jelas perlu diwujudkan bagi mengenal pasti atau merekrut calon ahli EC. Suatu kenyataan perlu disediakan berkaitan keperluan pencalonan yang mempunyai senarai tugas-tugas dan tanggungjawab anggota EC.

6.2. Syarat keahlian perlu diwujudkan yang meliputi perkara berikut:

a. Pihak yang bertanggungjawab membuat pelantikan;

b. Tatacara pemilihan ahli, termasuk kaedah untuk pelantikan;

c. Tatacara mengawal konflik kepentingan juga perlu diwujudkan termasuk aspek ketelusan mengenai kepentingan tersebut.

d. Sistem giliran menjadi ahli perlu dipertimbangkan demi mengekalkan kesinambungan dan menyokong pembangunan dan pengekalan kepakaran di dalam EC serta membenarkan input berterusan idea dan pendekatan baru.

e. Syarat lantikan haruslah menetapkan tempoh lantikan, dasar pembaharuan lantikan, prosedur hilang kelayakan, prosedur peletakan jawatan dan prosedur penggantian.

6.3. Ahli yang dilantik hendaklah memenuhi syarat pelantikan seperti berikut:

a. ahli perlu bersedia untuk nama penuh beliau, profesion dan kepentingan profesional beliau didedahkan secara terbuka;

b. semua bayaran balik untuk kerja dan perbelanjaan, jika ada, di dalam atau yang berkaitan dengan EC hendaklah direkod dan disediakan untuk orang ramai atas permintaan; dan

c. ahli perlu menandatangani perjanjian kerahsiaan mengenai perbincangan mesyuarat, permohonan dan cadangan penyelidikan, maklumat mengenai peserta kajian, dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

d. keperluan kerahsiaan ini turut terpakai bagi semua kakitangan pentadbiran EC. Mereka perlu menandatangani perjanjian kerahsiaan seperti ahli EC.

7. Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

7.1. Bagi memudahcara dan memangkinkan penyelidikan yang menggunakan subjek manusia dan haiwan, Mesyuarat Senat Ke-46 Bil. 2/2015 yang telah bersidang pada 31 Mac 2015 telah bersetuju dan meluluskan penubuhan **Jawatankuasa Etika Penyelidikan UPNM (JKEP).**

7.2. JKEP hendaklah memberi perhatian khusus kepada penyelidikan yang boleh mengeksploitasi golongan tertentu seperti, tetapi tidak terhad kepada, cadangan penyelidikan yang:

a. melibatkan kanak-kanak, banduan/orang tahanan, anggota pasukan keselamatan dan orang dewasa yang tidak kompeten untuk memberikan persetujuan;

b. melibatkan subjek haiwan;

c. melibatkan penggunaan bahan genetik; dan

d. boleh mengenakan suatu kemudaratan yang tidak wajar kepada peserta.

8. Terma Rujukan JKEP

8.1. Terma Rujukan JKEP adalah seperti berikut:

a. Meluluskan, menolak atau mengubah suai penyelidikan berdasarkan pertimbangan yang berkaitan dengan perlindungan subjek manusia dan haiwan.

b. Memastikan penyelidikan dijalankan berdasarkan skop penyelidikan yang telah diluluskan.

c. Memastikan undang-undang dan peraturan UPNM secara khasnya dan negara Malaysia secara amnya yang berkaitan dan relevan dengan penyelidikan dikenalpasti dan dipatuhi pada setiap masa material.

d. Memantau laporan semasa bagi penyelidikan yang telah diluluskan.

e. Menggantung atau menamatkan kelulusan yang telah diberikan kepada penyelidik jika melanggari syarat-syarat kelulusan JKEP dan/atau undang-undang dan peraturan UPNM dan Malaysia yang berkenaan.

8.2. JKEP hendaklah menerima pakai kelulusan yang telah diperolehi daripada Jawatankuasa Etika lain seperti *Medical Review & Ethics Committee,* Kementerian Kesihatan Malaysia, Jawatankuasa Etika Penyelidikan universiti tempatan dan jawatankuasa etika agensi penyelidikan yang telah diiktiraf oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia. Oleh itu, secara umumnya, cadangan penyelidikan yang telah menerima kelulusan etika penyelidikan daripada jawatankuasa seperti dinamakan di atas tidak memerlukan

kelulusan yang baru daripada JKEP. Walau bagaimanapun, jika projek penyelidikan tersebut melibatkan pelajar pra-siswazah atau pasca-siswazah, kemudahan dan/atau dana UPNM, JKEP mempunyai hak untuk meneliti dan menilai semula kelulusan tersebut serta menetapkan syarat tambahan jika perlu.

8.3. Sebarang pelanggaran syarat kelulusan JKEP yang mempunyai unsur salahlaku akademik hendaklah dirujukkan oleh JKEP kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JPIU) untuk tindakan seterusnya.

8.4. JKEP boleh membangunkan kaedah dan prosedur bagi membantu penyelidik membuat permohonan kelulusan JKEP. Kaedah serta prosedur tersebut perlu dikemukakan kepada JPIU terlebih dahulu dan disyorkan sebelum di bawa ke Senat untuk kelulusan.

8.5. Pelaksanaan penilaian terhadap cadangan penyelidikan hendaklah dilakukan tanpa lengah dan perlu disegerakan agar penyelidik tidak menghadapi kelewatan dalam memulakan kerja-kerja penyelidikan. JKEP hendaklah bertindak memberi nasihat kepada penyelidik bagi cadangan penyelidikan yang tidak menepati keperluan etika penyelidikan. Sebarang cadangan yang tidak diluluskan hendaklah diberi penjelasan kepada penyelidik yang memohon berkenaan ketidak patuhan etika yang terdapat dalam cadangan mereka dan seterusnya di beri nasihat bagaimana cadangan beliau boleh diperbaiki.

9. Keahlian JKEP

9.1. JKEP adalah terdiri dari sekurang-kurangnya 16 ahli dan melibatkan sekurangnya 5 ahli yang bukan dari disiplin sains perubatan. Keahlian JKEP juga haruslah seimbang dari segi jantina dan umur.

9.2. Secara amnya, JKEP mempunyai ahli seperti berikut:

a. Bagi ahli disiplin sains perubatan, sekurangnya seorang perlu ada pengalaman dengan penyiasatan klinikal (*clinical trials*) dan penglibatan ahli dari disiplin pembedahan, perubatan, pra-klinikal, kesihatan kemasyarakatan, biologi molekul, genetik, dan obstetrik & ginekologi hendaklah dibuat apabila kepakaran mereka mempunyai kaitan dengan cadangan penyelidikan.

b. Sekurang-kurangnya seorang ahli yang merupakan seorang saintis bukan jurusan sains perubatan.

c. Sekurang-kurangnya seorang ahli adalah saintis yang mempunyai pengalaman dengan penyelidikan menggunakan subjek haiwan.

d. Sekurang-kurangnya seorang ahli ialah pegawai veterinar dengan pengalaman pengendalian haiwan penyelidikan.

e. Sekurang-kurangnya seorang ahli adalah orang awam yang tidak terlibat dengan sebarang kerja-kerja perubatan, saintifik, perundangan, jagaan haiwan ataupun akademik.

f. Sekurang-kurangnya seorang ahli hendaklah mempunyai kelulusan perundangan (namun bukan peguam yang dilantik oleh UPNM untuk mewakili UPNM dalam perkara-perkara perundangan).

g. Sekurang-kurangnya seorang ahli hendaklah mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang jagaan kesihatan dan/atau kaunseling.

h. Sekurang-kurangnya seorang ahli hendaklah seseorang yang mempunyai kelulusan dalam bidang keagamaan.

9.3. Secara khususnya senarai keahlian JKEP adalah seperti di bawah:

a. Pengerusi.

b. Wakil Disiplin Pembedahan.

c. Wakil Disiplin Perubatan.

d. Wakil Disiplin Obstetrik & Ginekologi.

e. Wakil Disiplin Kesihatan Kemasyarakatan.

f. Wakil Disiplin Pra-klinikal (merangkumi biologi molekul dan genetik).

g. Wakil Disiplin Sains Kejuruteraan.

h. Wakil Disiplin Sains Tulen

i. Wakil Disiplin Sains Gunaan.

j. Wakil Disiplin Sains Veterinar (ahli yang berpengalaman mengendalikan haiwan penyelidikan).

k. Wakil Disiplin Sains Sosial.

l. Wakil Orang Awam (ahli yang tidak terlibat dengan sebarang kerja-kerja perubatan, saintifik, perundangan, jagaan haiwan ataupun akademik).

m. Wakil Perundangan (ahli yang mempunyai kelulusan perundangan namun bukan peguam yang dilantik oleh UPNM untuk mewakili UPNM dalam perkara-perkara perundangan).

n. Wakil Bidang Jagaan Kesihatan dan/atau Kaunseling.

o. Wakil Keagamaan (seseorang yang mempunyai kelulusan dalam bidang keagamaan).

p. Ahli-ahli lain yang difikirkan sesuai (tiada bilangan yang ditetapkan tetapi keahlian JKEP hendaklah sekurangnya 16 orang).

10. Pengerusi dan Ahli JKEP

10.1. Pengerusi JKEP hendaklah dilantik dari kalangan ahli akademik UPNM dan mempunyai persijilan Amalan Perubatan Yang Baik (*Good Clinical Practice*).

10.2. Pelantikan bagi Pengerusi dan semua Ahli adalah bagi tempoh dua tahun dan semua ahli layak di lantik semula selepas tempoh lantikan asal tamat.

10.3. Ahli yang gagal hadir ke mesyuarat yang ditetapkan secara tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah boleh dilucutkan keahliannya dalam JKEP.

10.4. Ahli boleh meletak jawatan dengan mengemukakan alasan yang munasabah kepada pihak berkuasa yang melantik dan salinan di sampaikan kepada Pengerusi JKEP.

10.5. Semua ahli JKEP dan kakitangan pentadbiran yang terlibat dengan JKEP hendaklah menandatangani perjanjian atau akujanji kerahsiaan dan pengisytiharan konflik kepentingan berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka di dalam jawatankuasa ini.

BAB III

PENYELIDIKAN YANG MEMERLUKAN KELULUSAN ETIKA PENYELIDIKAN

11. Jenis Penyelidikan Yang Memerlukan Kelulusan Etika Penyelidikan

11.1. Secara amnya semua penyelidikan (termasuk *clinical* trial) yang melibatkan subjek manusia, sama ada pesakit atau sukarelawan yang sihat (termasuk bahan-bahan biologi dan / atau data pesakit) dan subjek haiwan memerlukan penilaian dan kelulusan oleh JKEP sebelum kajian dimulakan.

11.2. Penyelidikan yang dimaksudkan termasuk:

a. Semua ujian klinikal dan penyelidikan bioperubatan bertujuan:

i. mengetahui atau mengesahkan kesan klinikal, farmakologi, dan / atau farmako-dinamik sesuatu produk penyiasatan.

ii. untuk mengenal pasti apa-apa kesan sampingan terhadap sesuatu produk penyiasatan.

iii. untuk mengkaji penyerapan, pengedaran, metabolisme dan perkumuhan produk penyiasatan dengan tujuan:

(a) menentukan keselamatan dan / atau keberkesanannya.

(b) menilai *utility* apa-apa dadah atau prosedur yang masih belum diterima dalam amalan perubatan rutin.

b. Semua penyelidikan yang memerlukan prosedur tambahan dibuat pada subjek manusia. Ini merujuk kepada penyelidikan yang memerlukan ujian tambahan penyiasatan, atau prosedur invasif tambahan, atau ubat-ubatan tambahan yang melebihi amalan perubatan standard (biasa), walaupun ujian atau prosedur atau ubat yang terlibat bukannya sesuatu yang baru.

c. Semua kajian soal selidik yang melibatkan pesakit atau saudara-mara mereka. Ini adalah untuk melindungi keresahan yang boleh dihindarkan dan ketidakselesaan kepada pesakit.

d. Semua kajian menggunakan data pesakit luar jagaan profesional penyelidik terlibat. Ia difahami bahawa setiap pengamal perubatan sudah terikat dengan Kod Etika Profesional Majlis Perubatan Malaysia untuk melindungi integriti dan kerahsiaan rekod pesakit yang mereka merawat, dan Kod ini masih terpakai apabila mana-mana data mengenai pesakit beliau termasuk dalam sesuatu penyelidikan. Oleh itu, penyelidikan yang berdasarkan semata-mata kepada data rutin dari pesakit yang di rawat sendiri oleh seseorang pengamal perubatan tidak memerlukan kelulusan JKEP. Walau bagaimanapun, jika penyelidik berhasrat untuk menilai maklumat dari rekod-rekod pesakit selain dari pesakitnya sendiri, maka cadangan penyelidikan tersebut mesti diluluskan JKEP.

e. Penyelidikan yang telah diluluskan tetapi kemudiannya memerlukan perubahan yang signifikan dalam protokol asal atau dalam mengumpul, menyimpan, menganalisis, atau melaporkan data; atau penyelidikan di mana isu-isu etika telah timbul.

f. Penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik dan pelajar-pelajar bukan UPNM, samada di peringkat sarjana muda atau lepasan ijazah yang ingin mengakses pelajar, kakitangan atau pesakit UPNM (termasuk bahan-bahan biologi dan / atau data pesakit) sebagai subjek kajian dalam cadangan-cadangan penyelidikan yang telah diluluskan di institusi lain.

g. Semua penyelidikan yang melibatkan keadaan kecemasan berkaitan kesihatan yang melibatkan ciri-ciri samada fizikal atau psikologi, mesti mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh JKEP.

BAB IV

PENYELIDIKAN YANG TIDAK MEMERLUKAN PENILAIAN DAN KELULUSAN JKEP

12. Jenis Penyelidikan Yang Tidak Memerlukan Penilaian Dan Kelulusan Oleh JKEP

12.1. Penyelidikan yang tidak memerlukan penilaian dan kelulusan oleh JKEP adalah disenaraikan di bawah:

a. Penyelidikan tentang seorang individu yang masih hidup yang terlibat dalam arena awam, atau sebagai seorang artis, berdasarkan maklumat secara eksklusif yang diperolehi dari domain awam.

b. Prosedur penyelidikan, prosedur temuduga dan pengumpulan data dalam domain awam.

c. Penyelidikan semata-mata melibatkan penggunaan ujian pendidikan (kognitif, diagnostik, kebolehan, pencapaian).

d. Pengujian yang berkaitan dengan keperluan pendidikan dan latihan biasa.

e. Kajian jaminan kualiti.

f. Penilaian prestasi yang dijalankan sebagai sebahagian daripada aktiviti yang rutin.

g. Prosedur diagnostik dan terapeutik yang diterima pakai sebagai amalan semasa dalam perawatan pesakit dan diiktiraf umum oleh profesion perubatan.

h. Aktiviti yang terdiri dari latihan amalan profesional (contohnya, guru-dalam-latihan; doktor-dalam-latihan).

i. Perundingan dengan rakan-rakan yang bukan merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan.

BAB V

MEMOHON PENILAIAN DAN KELULUSAN OLEH JKEP

13. Prosedur Permohonan Kelulusan Etika Penyelidikan

13.1. Permohonan bagi penilaian sesuatu cadangan penyelidikan ataupun penggunaan haiwan dalam pengajaran hendaklah dikemukakan kepada JKEP dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan (Borang ini adalah dilampirkan di Kembaran G, H dan I).

13.2. Permohonan penilaian etika penyelidikan setiap cadangan penyelidikan yang dikemukakan kepada JKEP hendaklah disemak terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti dan pandangan serta syor jawatankuasa tersebut dikemukakan kepada JKEP bersama cadangan penyelidikan berkenaan.

13.3. Pemohon perlu mengemukakan dokumen berikut kepada JKEP:

a. Cadangan penyelidikan di mana cadangan perlu menghuraikan reka bentuk kajian dan metodologi perolehan data.

b. Borang Permohonan Kelulusan Etika (Borang JKEP 01 / 2015 atau yang terkini) perlu disertakan.

c. Borang Keizinan Bermaklumat (samada bagi Kajian Klinikal ataupun Kajian Kualitatif).

d. Lembaran Maklumat Pesakit/Subjek Manusia (jika berasingan dari borang keizinan bermaklumat).

e. Jika kajian melibatkan subjek kanak-kanak, Borang Persetujuan Bermaklumat bagi Subjek Kanak-kanak dan Borang Keizinan Bermaklumat Ibubapa perlu disertakan.

f. Bagi kajian melibatkan penggunaan instrumen soal selidik, instrumen tersebut perlu dikemukakan.

g. Jika kajian menggunakan subjek haiwan, Permohonan Kelulusan Etika Penyelidikan Menggunakan Haiwan (Borang JKEP 02 / 2015) perlu disertakan.

13.4. Contoh ataupun templat bagi Borang Keizinan Bermaklumat adalah dipaparkan di Kembaran A. Templat ini adalah dalam Bahasa Inggeris dan merupakan templat yang telah di sediakan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Beretika (ERC) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organisation* – WHO). Setiap dari templat ini memberi penghuraian terperinci mengenai isi kandungan sesuatau Borang Keizinan Bermaklumat dan Lembaran Maklumat untuk Subjek sesuatu kajian.

13.5. JKEP akan meminta pemohon untuk menyediakan maklumat tambahan jika diperlukan bagi membolehkan sesuatu cadangan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

14. Prosedur Permohonan Kelulusan Etika Bagi Penggunaan Haiwan Dalam Pengajaran

14.1. Bagi permohonan bagi kelulusan etika bagi penggunaan haiwan dalam aktiviti pengajaran, pensyarah terbabit perlu memajukan permohonan menggunakan Borang Permohonan Kelulusan Etika Haiwan Bagi Penggunaan Haiwan Dalam Pengajaran (Borang JKEP 03 / 2015).

15. Proses Penilaian oleh JKEP

15.1. Setelah sesuatu permohonan diterima, Sekretariat JKEP akan menyemak dokumen yang dikemukakan dan jika lengkap akan disenaraikan di dalam agenda mesyuarat JKEP.

15.2. Lazimnya JKEP hendaklah bersidang sebulan sekali namun jika terdapat permohonan yang banyak, mesyuarat ini boleh diadakan dengan lebih kerap. Umumnya, mesyuarat JKEP hendaklah bersidang tidak lewat dari 30 hari selepas satu permohonan penilaian cadangan penyelidikan yang lengkap di kemukakan.

15.3. Bagi permohonan yang tidak lengkap, pemohon akan dimaklumkan dan permohonan akan di bawa kepada mesyuarat JKEP yang seterusnya selepas semua maklumat yang diperlukan dilengkapkan.

15.4. Apabila mesyuarat JKEP bersidang, jika permohonan adalah lengkap dan cadangan tersebut memenuhi keperluan etika penyelidikan, JKEP akan meluluskan cadangan tersebut. Pengerusi JKEP menerbitkan Sijil Kelulusan Etika Penyelidikan dengan menggunakan Borang JKEP 04/2015 sebagai bukti kelulusan. JKEP akan menggunakan format penilaian di Kembaran G bagi penilaian setiap permohonan kelulusan JKEP.

15.5. Namun jika terdapat perkara yang bercanggah dengan keperluan etika penyelidikan, JKEP akan mengemukakan maklum balas bertulis kepada pemohon yang menerangkan percanggahan yang diperhatikan dan mencadangkan langkah penambah baikan yang diperlukan bagi membolehkan permohonan tersebut mematuhi prinsip etika penyelidikan. Pemohon hendaklah membuat pembetulan dan penambah baikan yang diperlukan dan mengemukakan dokumen tersebut kembali ke JKEP untuk kelulusan.

15.6. JKEP boleh meluluskan sesuatu permohonan secara bersyarat dengan penambahbaikan dibuat ataupun boleh memerlukan permohonan tersebut dibuat pertimbangan semula di peringkat mesyuarat bulanan JKEP mengikut budibicara Pengerusi JKEP. Jika penambahbaikan tersebut dibuat mengikut syor dari JKEP, maka Pengerusi JKEP boleh menerbitkan Sijil Kelulusan Etika Penyelidikan dengan menggunakan Borang JKEP 04/2015.

15.7. JKEP boleh menolak sesuatu permohonan yang tidak mematuhi keperluan etika penyelidikan namun, pemohon perlu dimaklumkan secara bertulis dengan dinyatakan sebab-sebab penolakan permohonan dan penjelasan di mana permohonan bercanggah dengan keperluan etika penyelidikan.

15.8. Bagi memperkukuhkan amalan penyelidikan yang beretika, khususnya yang menggunakan subjek manusia dan haiwan, JKEP turut memainkan peranan sebagai penasihat kepada para penyelidik UPNM dan perlu memberi nasihat atas reka

bentuk kajian dan metodologi pengumpulan maklumat yang beretika selain dari bertindak meneliti permohonan kelulusan etika penyelidikan.

16. Mesyuarat dan Kuorum JKEP

16.1. Kehadiran dan kekerapan mesyuarat JKEP adalah ditentukan oleh Pengerusi JKEP mengikut jenis permohonan penilaian cadangan penyelidikan yang diterima.

16.2. Kuorum mesyuarat adalah sekurangnya 5 ahli yang hendaklah seboleh mungkin mengandungi ahli seperti berikut:

a. Pengerusi (samada Pengerusi JKEP sendiri ataupun ahli lain yang ditetapkan oleh Pengerusi JKEP untuk mempengerusikan mesyuarat berkenaan).

b. Seorang ahli yang memiliki kelulusan perundangan (namun bukan peguam yang dilantik oleh UPNM untuk mewakili UPNM dalam perkara-perkara perundangan).

c. Seorang ahli yang berpengalaman dengan jenis penyelidikan yang dicadangkan.

d. Jika melibatkan subjek haiwan, seorang pegawai veterinar.

e. Seorang ahli saintis yang bukan dari disiplin penyelidikan yang dicadangkan.

f. Mana-mana ahli lain yang difikirkan sesuai oleh Pengerusi JKEP dari segi pengalaman, kemahiran ataupun pengetahuan.

17. Rayuan Oleh Pemohon

17.1. Jika sesuatu permohonan kelulusan tidak diluluskan oleh JKEP, pemohon boleh mengemukakan rayuan kepada Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UPNM (PPPI) secara bertulis dengan menyatakan sebab-sebab kenapa rayuan di buat. Pengarah PPPI hendaklah membincangkan rayuan ini dengan Pengerusi JKEP dan menyediakan maklumbalas kepada perayu. Maklumbalas ini akan dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi UPNM (TNC P & I) terlebih dahulu sebelum disampaikan kepada perayu. Keputusan TNC P&I dalam perkara ini adalah muktamad.

Rajah 1. CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN KELULUSAN ETIKA PENYELIDIKAN BAGI CADANGAN PENYELIDIKAN



Rajah 2. CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN KELULUSAN ETIKA BAGI PENGGUNAAN SUBJEK HAIWAN DALAM PENGAJARAN



BAB VI

ETIKA PENYELIDIKAN TERHADAP HAIWAN

18. Perlindungan Etika Penyelidikan Yang Melibatkan Penggunaan Haiwan

18.1. Maksud “haiwan” di dalam bab ini meliputi mana-mana makhluk hidup yang menjadi anggota alam haiwan iaitu; mamalia; burung; reptilia; amfibia; ikan (bertulang atau berawan); invertebrate dan mana-mana anggota alam haiwan yang akan diumumkan dari semasa ke semasa, termasuk sebarang janin mamalia. Ia tidak termasuk manusia dan mana-mana haiwan pada peringkat pranatal, pratetas, larva, atau lain-lain peringkat perkembangan yang sepertinya kecuali seperti mana yang dinyatakan.

18.2. Dalam sebarang penyelidikan terhadap haiwan atau yang menggunakan haiwan penyelidikan, semua orang yang terlibat adalah bertanggungjawab ke atas kesejahteraan haiwan termasuklah setiap penyelidik dan semua mereka yang ada kaitan dengan sesuatu projek penyelidikan (staf akademik/penyelidikan, pembantu penyelidik graduan [GRA]/pembantu penyelidik [RA] ataupun pelajar). Mereka ini perlu mengikuti latihan yang bersesuaian tentang teknik dan pengendalian haiwan makmal sebelum menjalankan sebarang kajian ataupun eksperimen terhadap haiwan.

18.3. Penjagaan semua haiwan yang digunakan dalam kajian meliputi jagaan, pemberian makanan dan minum serta dikendalikan dalam keadaan penjagaan kesihatan yang bersesuaian dengan keperluan-keperluan khusus sesuatu spesies haiwan itu. Ini adalah amat penting bagi mengelakkan penyebaran jangkitan di antara haiwan melalui bendasing ataupun fomit yang boleh memindahkan kuman, parasit dan lain-lain. Persekitaran fizikal tempat tinggal dan tidur haiwan di tempat haiwan tersebut dipelihara atau dibiakkan perlu kerap diperiksa dan tindakan yang sepatutnya segera diambil bagi memastikan kesejahteraan haiwan sentiasa diberi keutamaan.

19. Etika Penggunaan Haiwan Dalam Pengajaran

19.1. Umumnya, haiwan yang ingin digunakan dalam pengajaran adalah tertakluk kepada pertimbangan etika yang sama sepertimana digunakan dalam penyelidikan. Keperluan menggunakan haiwan dalam pengajaran hendaklah dibuat pertimbangan yang seperti yang dibuat bagi penggunaan haiwan dalam penyelidikan dan semua permohonan menggunakan haiwan dalam pengajaran perlu juga dikemukakan kepada JKEP. Sehinggalah ditetapkan sebaliknya, JKEP akan bertindak sebagai Jawatankuasa Institusi bagi Jagaan dan Penggunaan Haiwan (*Institutional Animal Care and Use Committee* [IACUC]) bagi UPNM.

19.2. Permohonan penggunaan haiwan bagi tujuan pengajaran memerlukan pensyarah berkenaan mengisi borang permohonan khusus (Borang UPNM/JKEP 04/2015 atau versi yang terkini) dan pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan di peringkat fakulti/pusat sebelum dikemukakan kepada JKEP. JKEP akan meneliti permohonan tersebut dan jika cadangan tersebut menepati keperluan etika bagi penggunaan haiwan, JKEP seterusnya meluluskan permohonan tersebut secara bertulis.

20. Reka bentuk Eksperimen/Ujikaji

20.1. Dalam mereka bentuk sebarang kajian ataupun eksperimen yang menggunakan haiwan terdapat beberapa perkara yang mesti diberi perhatian oleh para penyelidik. Perkara ini termasuk:

a. Bilangan haiwan yang diperlukan

b. Jenis dan kesesuaian haiwan penyelidikan yang digunakan

c. Perolehan haiwan untuk penyelidikan

d. Tahap kesihatan haiwan

e. Pengangkutan haiwan

f. Gangguan/kecederaan fisiologi dan fizikal kepada haiwan

g. Penamatan hayat haiwan yang berperikemanusiaan

21. Bilangan Haiwan Yang Diperlukan

21.1. Eksperimen/ujikaji yang ingin dilaksanakan perlu berasaskan reka bentuk yang bersesuaian dan dilaksanakan ke atas jumlah haiwan yang paling kurang (minima).

21.2. Namun dalam mematuhi prinsip mengurangkan jumlah haiwan yang digunakan janganlah sehingga pengurangan ini mengakibatkan penderitaan yang lebih teruk ke atas haiwan secara individu.

21.3. Sebaik-baiknya, teknik dan prosedur yang diguna pakai mestilah merangkumi sistem biologi in vitro yang membolehkan penggunaan jumlah terkecil bilangan haiwan.

22. Jenis dan Kesesuaian Haiwan Penyelidikan Yang Digunakan

22.1. Haiwan yang dipilih untuk tujuan eksperimen/ujikaji perlulah dari spesis yang bersesuaian dan berkualiti. Cadangan penyelidikan perlu menyatakan jenis (spesis) haiwan secara khusus dalam cadangan penyelidikan dan menyatakan rujukan yang digunakan bagi menentukan spesies haiwan yang dipilih.

22.2. Reka bentuk penyelidikan hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam cadangan penyelidikan termasuk menyatakan parameter pengujian yang dicadangkan yang melibatkan haiwan.

22.3. Cadangan kaedah pengesahan data dan statistik juga perlu dinyatakan dengan jelas. Bagi tujuan penelitian, cadangan penyelidikan perlu menunjukkan kaedah pengiraan ataupun penentuan saiz sampel atau kuantiti haiwan yang ingin digunakan dalam kajian tersebut. Lazimnya hanya bilangan minima haiwan yang diperlukan untuk memperoleh keputusan yang sah secara saintifik akan diberi kelulusan oleh JKEP.

23. Perolehan Haiwan Untuk Penyelidikan

23.1. Perolehan haiwan bagi tujuan penyelidikan sebaiknya adalah dari program-program pembiakan khusus. Haiwan lain yang tidak dibiak secara khusus boleh digunakan hanya jika haiwan tersebut memenuhi syarat penyelidikan, dan diperoleh secara sah dari segi perundangan.

23.2. Penangkapan haiwan liar hendaklah dielakkan dan hidupan liar tidak sepatutnya diambil dari habitat semula jadinya kecuali apabila haiwan yang dipelihara dalam kurungan sukar diperoleh atau didapati tidak sesuai bagi tujuan khusus penyelidikan tersebut. Permit yang bersesuaian perlu diperoleh daripada Pihak Berkuasa Tempatan sebelum penangkapan haiwan tersebut (hidupan liar, hutan simpan dll.) dibuat. Teknik penangkapan perlulah berperikemanusiaan serta mengambil kira soal kesihatan, kebajikan dan keselamatan manusia dan haiwan.

23.3. Jika haiwan penyelidikan tersebut adalah dari spesis terancam dan dalam bahaya, maka penggunaan haiwan adalah bergantung kepada Akta Haiwan 1953 dan undang-undang subsidiari yang berkaitan serta tertakluk kepada penyemakan semula oleh pihak berkuasa berkenaan. Cadangan penyelidikan perlu mengandungi dokumen kebenaran dari pihak berkuasa yang relevan bagi penggunaan haiwan tersebut bagi maksud penyelidikan yang dicadangkan. Spesis yang terancam hanya boleh digunakan dalam keadaan-keadaan khusus berdasarkan alasan saintifik yang kukuh bahawa keputusan yang dikehendaki /diingini tidak mungkin diperoleh jika menggunakan haiwan lain.

24. Tahap Kesihatan Haiwan

24.1. Tahap kesihatan haiwan perlulah diketahui sebelum dimulakan sesuatu penyelidikan. Apabila perlu, pemantauan rutin kesihatan haiwan, tahap mikrobiologi dan parasitologi koloni haiwan ujikaji serta usaha kewujudan program pencegahan penyakit adalah penting untuk memastikan keputusan eksprimen dapat diulang.

24.2. Para pengkaji/penyelidik dan mereka yang terlibat perlulah memastikan ada rekod pemantauan penggunaan haiwan untuk tujuan saintifik di simpan mulai dari tarikh haiwan diperolehi dan rekod tersebut tersimpan dengan sempurna sepanjang tempoh hayat projek penyelidikan berkenaan. Salinan rekod ini perlu diserahkan bersama laporan akhir projek penyelidikan berkenaan kepada PPPI UPNM. Rekod ini perlu disimpan selama sekurang-kurangnya 5 tahun.

24.3. Rekod ini perlu menyediakan butiran penuh dan tepat tentang haiwan, sumber, penggunaan, pelupusan, teknik penangkapan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Penyelidik mestilah sentiasa bersedia untuk rekod ini diperiksa apabila diminta oleh JKEP ataupun oleh Pegawai UPNM yang dipertanggungjawabkan ke atas kesihatan dan keselamatan haiwan penyelidikan.

25. Pengangkutan Haiwan

25.1. Haiwan perlu diangkut secara berperikemanusiaan serta dalam keadaan bersih seperti mana yang diperlukan oleh keperluan fisiologi dan tingkah laku haiwan tersebut. Tempoh masa yang diperlukan bagi pengangkutan haiwan perlu dipastikan sesingkat mungkin.

25.2. Proses pengangkutan perlu mengambil kira laluan dan pelan perjalanan, reka bentuk kurungan, reka bentuk kenderaan, kecekapan serta sikap pemandu dan mereka yang terlibat dalam pengangkutan, tempoh perjalanan, ciri dan kaedah penyediaan makanan dan minuman serta rancangan penyesuaian/aklimatisasi selepas pengangkutan.

25.3. Pihak pembekal mahupun penerima bekalan haiwan, kedua-duanya perlu memastikan wujud prosedur penghantaran yang memuaskan yang berakhir dengan

haiwan diterima oleh pihak yang bertanggungjawab dalam keadaan selamat dan sihat.

25.4. Para penyelidik perlu bersedia memberi maklumbalas kepada JKEP mengenai perkara ini apabila diperlukan.

26. Gangguan/Kecederaan Fisiologi Dan Fizikal Kepada Haiwan

